



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

**PROGRAM PEMBUDAYAAN INOVASI DAN MAJLIS
PENGANUGERAHAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTI
RASUAH (ISO 37001:2016) LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

'Kreativiti Dan Integriti Teras Keunggulan Organisasi'

26 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

DEWAN REFFLESIA, PALM GARDEN HOTEL, PUTRAJAYA

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan semua Ahli Jawatankuasa Program Pembudayaan Inovasi Dan Majlis Penganugerahan Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) LLM 2019 kerana sudi mengundang saya untuk menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini. Sesungguhnya penganjuran Program Pembudayaan Inovasi ini membuktikan komitmen LLM terhadap usaha-usaha menyemarakkan budaya inovasi dalam kalangan warganya sama ada di peringkat ibu pejabat mahupun di peringkat wilayah dan syarikat konsesi lebuh raya.

2. Penganjuran Program Pembudayaan Inovasi ini juga dapat dijadikan sebagai pentas untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja LLM yang tanpa jemu memerah idea kreatif dan inovatif khususnya dalam aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

3. Sambutan Program Pembudayaan Inovasi yang diadakan saban tahun oleh LLM mencerminkan akan kepentingan pembudayaan kreativiti dan inovasi di dalam kerja harian untuk sentiasa meletakkan kementerian dan jabatan di landasan yang paling efisen dan efektif. Ia juga mampu mencipta dan menyerlahkan keunikan sesuatu produk dan perkhidmatan, seterusnya meningkatkan keberhasilan inovasi di agensi-agensi Kerajaan.

MEMBUDAYAKAN INOVASI DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin sekalian,

4. Inovasi bermaksud memperkenalkan sesuatu kaedah, sistem, adat dan proses yang baharu. Dalam konteks Perkhidmatan Awam, ia boleh ditafsir sebagai kaedah atau usaha mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Dalam erti kata lain, inovasi merupakan hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam pelbagai aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi serta kehidupan masyarakat. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam maupun luar atau menerusi

proses penyelidikan dan pembangunan (R&D). R&D amat penting kepada sesebuah organisasi bagi mencipta produk baharu dan menginovasikan produk sedia ada untuk disesuaikan dan digunakan mengikut keperluan jabatan / agensi. Inovasi yang dihasilkan haruslah mampu menambah nilai output semasa serta membawa transformasi kepada budaya kerja sedia ada.

5. Hari ini inovasi bukan sahaja menjadi kunci rahsia kejayaan bagi sesebuah syarikat atau organisasi, malah turut berperanan melonjakkan sesebuah negara itu menjadi negara yang maju. Lihat sahaja negara – negara seperti Singapura, Finland, Denmark dan Ireland yang suatu masa dahulu merupakan negara – negara kecil namun meningkat maju dengan mendadak dan menduduki carta negara maju dengan keupayaan inovasi dan pembaharuan yang dilakukan oleh mereka. Bagi negara membangun, cabaran utama untuk kekal bersaing menjadi negara maju ialah melalui inovasi. Falsafah inovasi bagi sesebuah negara membangun perlu menjadi tulang belakang yang dapat mengubah sistem pentadbiran, hala tuju sains dan teknologi serta keupayaan pentadbiran sesebuah negara itu.

6. Laporan Indeks Inovasi Global 2019, melihat kepada pencapaian negara di peringkat antarabangsa, Malaysia berjaya mengekalkan pencapaian di kedudukan ke-35 daripada 129 negara. Ini merupakan pencapaian yang boleh dibanggakan kerana bukan mudah untuk berjaya berada di kedudukan tersebut ekoran persaingan yang kompetitif dengan negara-negara luar seperti Singapura, Sweden, Amerika Syarikat dan China seperti mana kita sedia maklum negara-negara berkenaan merupakan negara yang banyak mengeluarkan produk-produk inovasi terkini.
7. Justeru, saya menyeru warga LLM agar terus gigih berusaha untuk merekacipta lebih banyak lagi produk-produk inovasi seterusnya mempelopori bidang ini di dalam negara dan seterusnya menembusi hingga ke peringkat antarabangsa. Saya berharap LLM terus memainkan peranan penting dalam menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja LLM dan syarikat konsesi supaya dapat meningkat kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.
8. Saya ingin mengambil contoh satu inovasi yang telah mengubah kehidupan kita semua pada hari ini. Teknologi tersebut adalah teknologi Internet. Internet boleh dianggap sebagai empangan

besar yang mengalirkan ilmu dan segala macam maklumat yang ada di dunia ini. Sebelum teknologi Internet ini dapat dinikmati oleh kita semua, teknologi ini hanya digunakan oleh pihak ketenteraan Amerika sekitar 1940-an sewaktu Perang Dunia Kedua sebagai penghubung jaringan system pertahanan mereka. Selepas perkembangan pesat Internet yang bermula lewat tahun 1990-an, banyak produk-produk berdasarkan web dimajukan dan seterusnya menjadi medium penghubung masyarakat di seluruh dunia. Cuba tuan – tuan dan puan – puan bayangkan dunia pada hari ini tanpa kemajuan pesat Internet, pastinya kehidupan kita sangat berbeza dengan apa yang kita alami kini. Inovasi Internet ini telah memenuhi segala-galanya dalam dunia moden hari ini. Segala maklumat mampu dicapai dengan pantas dan segala macam kemudahan mampu kita nikmati secara maya. Terbukti di sini betapa pentingnya inovasi hasil cetusan idea kreatif dan inovatif dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kepada organisasi dan juga kemajuan sesebuah negara khususnya.

“Kreativiti Dan Integriti Teras Keunggulan Organisasi”.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Saya difahamkan tema bagi majlis ini adalah **“Kreativiti Dan Integriti Teras Keunggulan Organisasi”**. Kedua-dua elemen amatlah penting dalam usaha untuk menjadi satu organisasi yang cemerlang dan unggul. Kreativiti amat penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sesuatu organisasi. Penyampaian perkhidmatan awam yang rigid dan tidak mesra pengguna tentunya akan menyukarkan masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik.
10. Justeru itu, inovasi memainkan peranan penting dalam penyelesaian masalah, bahkan turut membantu dalam penambahbaikan peraturan dan prosedur lama yang sering membantutkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.
11. Pelaksanaan program pembudayaan inovasi dilihat sebagai satu komitmen LLM dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian ke satu tahap yang lebih tinggi dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

**INTEGRITI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DAN SISTEM
PENGURUSAN ANTI RASUAH (ISO 37001:2016)**

Hadirin yang dihormati,

12. Integriti, merupakan satu elemen yang harus diterapkan di dalam semua penjawat awam. Seperti semua sedia maklum, rasuah merupakan isu kritikal yang perlu ditangani secara sistematik dan menyeluruh kerana ia boleh menyebabkan berlaku peningkatan pada jumlah kos modal dan pembangunan bagi apa jua program atau projek yang dilaksanakan.
13. Ini sudah tentu memberikan kerugian besar kepada negara. Rasuah bukan semata-mata kesalahan undang-undang tetapi juga kesalahan sosial dan peradaban yang boleh menjelaskan imej Malaysia di mata dunia.
14. Penjawat awam adalah golongan yang berisiko tinggi terhadap rasuah, khususnya bagi mereka yang terlibat dalam pelaksanaan keputusan dan perolehan kerajaan. Berdasarkan data laporan statistik tangkapan yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sehingga Ogos 2019

sebanyak 77.78% pesalah rasuah ditangkap adalah daripada kalangan penjawat awam.

Tuan –tuan dan puan – puan sekalian,

15. Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional bagi tempoh lima tahun akan datang ini amat signifikan dalam mencerminkan harapan rakyat untuk membentuk sebuah negara yang bebas rasuah dengan warganya yang membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.
16. Selaras dengan seruan kerajaan dalam usaha memerangi rasuah di negara kita. LLM telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) dalam perkhidmatan mereka. Saya dimaklumkan juga bahawa LLM merupakan agensi pertama di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah berjaya mendapat pensijilan bagi Sistem Pengurusan Anti Rasuah ini, tahniah saya ucapkan.

PENUTUP

17. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada LLM selaku penganjur dan saya yakin penganjuran majlis ini mampu menyemarakkan semangat inovasi di kalangan warga kerja LLM di samping menyumbang idea baharu dan kreatif dalam meningkatkan kualiti penyampaian kepada rakyat. Selain itu, saya berasa bangga dengan LLM atas komitmen yang ditunjukkan dalam mendukung dan menerapkan prinsip integriti kepada warga kerja sebagai agensi kerajaan di bawah KKR.

18. Akhir kata dengan lafaz  saya rasmikan Program Pembudayaan Inovasi Dan Majlis Penganugerahan Pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Sekian terima kasih.